



JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TERAJU Memacu Permerkasaan Bumiputera Dalam Perkhidmatan P-Hailing (Parcel Hailing)

KUALA LUMPUR, 30 Julai 2021 – TERAJU tampil membela kebajikan serta memberi perhatian kepada permasalahan yang dihadapi oleh golongan Bumiputera yang terlibat dalam perkhidmatan p-hailing terutama ketika pandemik Covid-19 yang melanda negara hari ini. Untuk itu, TERAJU telah mengambil inisiatif mengadakan Sesi Sindikasi Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan p-hailing (khususnya penghantaran makanan) yang berlangsung atas talian selama 2 hari bermula 29 - 30 Julai 2021. Sebanyak 43 kumpulan pemegang taruh yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Badan Berkanun dan Agensi terpilih, pengendali platform, operator, vendor selain wakil dari Persatuan Penghantar p-hailing Malaysia telah menyertai sesi ini.

Sesi yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Md Silmi Abd Rahman bertujuan mencari penyelesaian kepada isu-isu berbangkit demi meningkatkan kelestarian dan kesejahteraan pemandu perkhidmatan p-hailing. Tumpuan diberi kepada 6 perkara utama iaitu Etika dan Tingkahlaku, Undang-Undang, Keselamatan, Sistem Aplikasi, Pelanggan & Vendor dan Operator.

Kaji selidik yang telah dijalankan ketika suasana pandemik Covid-19 sejak April 2021, menunjukkan antara faktor yang mendorong penyertaan Bumiputera dalam perkhidmatan p-hailing ini adalah waktu kerja yang fleksibel, pendapatan tambahan atau gantian akibat kehilangan punca pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), keadaan ekonomi yang tidak menentu, penyertaan yang tidak memerlukan kelayakan tinggi dan demi meneruskan kelangsungan hidup.



JABATAN PERDANA MENTERI

Menurut dapatan TERAJU, terdapat dalam lingkungan 70,000 penghantar makanan yang mana 40,000 (57%) daripadanya tertumpu di kawasan Lembah Klang. Kajian mendapati 93.8% penghantar makanan ini merupakan golongan Bumiputera dan 80.1% adalah merupakan golongan muda yang berumur dalam lingkungan 18-30 tahun.

Pada tahun 2019, pasaran e-dagang (eCommerce) di Malaysia bernilai RM16 billion atau 1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam pada masa yang sama, dianggarkan p-hailing menyumbang sekurang-kurangnya RM2.4 billion setahun kepada ekonomi negara. Ekonomi Digital turut mempengaruhi trend baharu pekerjaan, di mana jumlah penyertaan sektor ekonomi gig yang meningkat pesat, sekaligus telah memberi peluang kepada golongan muda, suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan mereka yang sudah bekerja untuk menampung pendapatan isi rumah.

Dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) 2021-2025, Kerajaan telah memperakui aktiviti ekonomi gig ini sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baru yang perlu dikembangkan. Melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM75 juta bagi menyokong pertumbuhan sektor ini. Di bawah pelan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang dijangka akan dilancarkan oleh Perdana Menteri pada September 2021, Ekonomi Digital disasar menyumbang sebanyak RM65 billion atau 32.3% Lebihan Operasi Kasar (Gross Operating Surplus) pada tahun 2030.

Md Silmi Abd Rahman berkata “TERAJU selaku pemboleh cara strategik pembangunan sosioekonomi Bumiputera, nekad dan teguh dalam aspirasinya memacu pemerkasaan pembangunan ekonomi gig ke arah meningkatkan penglibatan Bumiputera di rantaian nilai lebih tinggi.”

Dengan usaha seperti ini, isu-isu serta cabaran semasa yang dihadapi oleh Bumiputera mampu diselesaikan bagi mewujudkan ekosistem di mana Bumiputera mempunyai peluang yang saksama, termasuk dari segi keselamatan sosial dan kebajikan dalam memberikan khidmat p-hailing yang berkualiti tinggi. Di antara cadangan-cadangan yang telah dikenal pasti adalah penambahbaikan aplikasi, peningkatkan tahap keselamatan penghantar



makanan dan juga kawal selia yang berpatutan untuk industri ini. Justeru, perhatian yang serius dan komprehensif amat penting, demi memastikan hak Bumiputera tidak dipencilkan serta penyertaan mereka dilihat sebagai rakan kolaborasi, bersama menggerakkan industri ekonomi gig ini. TERAJU akan terus menjadi pemangkin kepada usaha ini sehingga tertubuhnya satu badan utama yang akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kepentingan pengusaha dalam perkhidmatan p-hailing ini.

#TAMAT#

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU
siti.rozalina@teraju.gov.my | 6019 238 4262
soffian@teraju.gov.my | 6012 855 6125
nurulhidayah@teraju.gov.my | 6013 369 5159

MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelaras utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). TERAJU berperanan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.